

**STRATEGI PELAKSANAAN
PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT
PEMBELAJARAN**

NAMA PUSAT : OUTDOOR LC

PUSAT/ FUNGSI : AKTIVITI LUAR

TAJUK/ TEMA : SIAPA CEPAT DIA DAPAT

BIL	PERKARA	CATATAN	
1	STANDARD KANDUNGAN	FK 2.2	Melakukan pelbagai pergerakan lokomotor
2	STANDARD PEMBELAJARAN	FK 2.2.2	Melakukan gabungan pergerakan lokomotor
3	STREAM	S	Membuat pemerhatian menggunakan deria bau dan penglihatan
		T	batu, straw, salotip dan kertas dalam aktiviti
		R	Mengamalkan sikap toleransi dan kerjasama dalam kumpulan
		E	Membina mini helikopter
		A	Menggunting bentuk iaitu mencipta mini helikopter.
		M	Memahami konsep matematik awal
4	OBJEKTIF PEMBELAJARAN	Pada akhir pembelajaran, kanak-kanak dapat mengulangkaji keseluruhan pengetahuan tentang minyak dan gas bermula fasa 1 hingga fasa 3	
5	BBM	Sampul soalan berwarna (merah, biru, kuning dan hijau), straw, salotip dan kertas, minyak petrol, minyak tanah, minyak diesel, lembaran kerja menghasilkan roket botol STREAM.	
6	NILAI MURNI	Bekerjasama, tolong-menolong, berdikari	

7

STRATEGI PELAKSANAAN

1. Kanak-kanak membuat senaman ringan bersama-sama dengan guru di dalam kelas (senaman penguin)
2. Guru meminta kanak-kanak menceritakan semula tentang sesi pembelajaran berkaitan tema oil & gas.
3. Guru menerangkan aktiviti yang akan dijalankan iaitu pertandingan “Siapa cepat dia dapat “
4. Kanak-kanak membentuk 3 kumpulan masing-masing berdasarkan bilangan kanak-kanak di dalam kelas.
5. Guru menerangkan peraturan permainan kepada kanak-kanak. Guru menunjukkan 3 sampul surat berlainan warna kepada kanak-kanak yang telah diletakkan di Check Point.
6. Kanak-kanak bergerak mengikut Check point yang telah disediakan oleh guru. Pertandingan bermula.

Soalan 1: Labelkan nama-nama minyak yang telah disediakan.

- Rujuk aktiviti melabel nama minyak
- Melabel nama minyak

Soalan 2 : Apakah bahan yang boleh digunakan dalam menghasilkan tekanan udara?

- Rujuk aktiviti membuat Roket Botol STREAM
- Tandakan (/) bahan yang boleh digunakan dalam menghasilkan udara pada lembaran kerja.

Soalan 3 : Sila bina model mini helicopter menggunakan bahan yang telah disediakan.

- Rujuk aktiviti membina mini helikopter.

7. Kanak-kanak bergerak dalam kumpulan masing-masing dari satu check-point ke check-point seterusnya setelah menyelesaikan tugas yang diberikan.
8. Kumpulan yang berjaya menyelesaikan tugas terlebih dahulu dikira pemenang.
9. Kanak-kanak diminta menceritakan pengalaman sepanjang menjalankan aktiviti iaitu pertandingan “ Siapa cepat dia dapat “
10. Guru bersoal jawab dengan kanak-kanak tentang keseluruhan pembelajaran tentang Oil & gas bermula fasa 1 hingga fasa 3.

Nota:

** guru boleh menyediakan abm berdasarkan pelbagai tema yang bersesuaian*